

Bandar

*Bicara
Menteri*
muka 7



PERCUMA 5 NOVEMBER 2017 • 16 SAFAR 1439

BIL: 19

Kerajaan dengar suara rakyat bandar

*Bajet 2018
beri banyak
manfaat*



● 17,300 rumah mampu milik ● RM200 juta peruntukan TP1M

● Perkhidmatan JMB/MC dikecualikan GST

muka 2&3



Pastikan tiada rakyat bandar tercicir

muka 4



NUA merangka pembangunan & kesejahteraan bandar

muka 5



Penduduk Kampung Batu Gajah ditawarkan rumah PPR

muka 6



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nazirul Ikram Sirozi

Pegawai Komunikasi Strategik

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat

Rumah mampu milik, kesejahteraan diutamakan Bajet 2018 menggembirakan rakyat bandar

BAJET 2018 yang diumumkan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak turut mencerminkan keprihatinan kerajaan Persekutuan terhadap keperluan rumah mampu milik serta aspek kesejahteraan rakyat bandar di seluruh negara.

Dalam pembentangan yang dilakukan di Parlimen pada 27 Oktober lalu, beliau mengumumkan peruntukan sebanyak RM2.2 bilion bagi merencanakan lagi usaha pemilikan rumah untuk rakyat.

Menurut beliau, sebahagian daripada peruntukan tersebut akan digunakan untuk membina sebanyak 17,300 unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Jumlah itu sekali gus menunjukkan peningkatan sebanyak 7,450 unit berbanding 9,850 unit tahun ini.

"Kerajaan juga akan menyediakan 2,000 unit rumah di bawah program MyDeposit untuk membantu pembayaran deposit dan program MyHomes untuk pemaju menyediakan lebih banyak rumah mampu milik.

"Sebanyak RM200 juta pula diperuntukkan untuk penyelenggaraan dan pembaikan rumah, termasuk Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M)," katanya.

Berkaitan rumah terbengkalai, Perdana Menteri memberitahu, kerajaan mencajkan pengecualian duti setem ke atas perjanjian pinjaman dan surat cara pindah milik diberikan kepada kontraktor penyelamat dan pembeli asal rumah terbengkalai, berkuat kuasa pada 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2020.

Mengenai penambahbaikan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) pula, kata beliau, kerajaan mencajkan semua pembekalan perkhidmatan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak dikenakan GST, berkuat kuasa mulai 1 April 2018 atau 1 Oktober 2018 berdasarkan pilihan PBT.

"Manakala perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan kediaman berstrata yang dibekalkan oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) yang kini tidak dikenakan cukai barangan dan perkhidmatan (GST), diperluas untuk meliputi perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan yang dibekalkan oleh pemaju perumahan, mulai 1 Januari 2018," jelasnya.



Sebanyak 17,300 unit rumah PPR akan dibina untuk menyediakan lebih banyak rumah mampu milik bagi rakyat. – GAMBAR HIASAN

Dalam pada itu, Perdana Menteri menyifatkannya Bajet 2018 sebagai ibu segala bajet berdasarkan manfaat yang bakal dinikmati semua lapisan masyarakat, bermula daripada bayi sehingga kepada urusan masa hadapan negara.


Bertemakan 'Memakmurkan Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbangi Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat Menuju Aspirasi TN50', Bajet 2018 membabitkan peruntukan sebanyak RM280.25 bilion, meningkat RM19.45 bilion berbanding RM260.80 bilion dalam Bajet 2017.



Duti setem bakal dikecualikan ke atas perjanjian pinjaman dan surat cara pindah milik melibatkan kontraktor penyelamat dan pembeli asal rumah terbengkalai, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2020. – GAMBAR HIASAN



#BAJET2018




PENGECUALIAN GST

UNTUK PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN
PENYELENGGARAAN BANGUNAN OLEH **JMB/MC**

“ISU INI TELAH DIBANGKITKAN SEMASA
KONVENSyen JMB/MC PERINGKAT
KEBANGSAAN ANJURAN KPKT
PADA 7 OKTOBER 2017”

2,000 UNIT RUMAH

DIBAWAH PROGRAM



UNTUK MEMBANTU
PEMBAYARAN DEPOSIT



UNTUK PEMAJU
MENYEDIAKAN LEBIH BANYAK
RUMAH MAMPU MILIK



SEBANYAK

17,300

UNIT RUMAH PPR
DIPERUNTUKKAN

INSENTIF PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI



BERKUAT KUASA
1 Januari 2018
SEHINGGA
31 Disember 2020

Pengecualian
duti setem ke atas
perjanjian pinjaman dan
surat cara pindah milik

Diberikan kepada
kontraktor penyelamat
dan pembeli asal
rumah terbengkalai

JPP diminta terus bantu kerajaan

Pastikan tiada rakyat bandar tercicir



Tan Sri Haji Noh bin Omar menyampaikan sijil kepada Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus JPP Selangor Sesi 2016-2018 di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

JAWATANKUASA Perwakilan Penduduk (JPP) di seluruh negara disarankan supaya terus bertindak sebagai 'mata dan telinga' kerajaan bagi memastikan rakyat di kawasan bandar tidak tercicir dalam mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Perkara itu ditegaskan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar yang mana peranan JPP itu adalah penting bagi membolehkan kerajaan merancang program-program khusus untuk rakyat di kawasan masing-masing.

Ketika ini katanya, terdapat sebanyak 2,272 JPP di seluruh negara dan setiap jawatankuasa itu sekurang-kurangnya perlu mempunyai rekod demografi penduduk selain kemudahan awam di kawasan masing-masing.

"Menerusi peranan JPP ini, sedikit sebanyak kerajaan dapat mengetahui keperluan rakyat di sesebuah kawasan perbandaran. Usaha ini penting kerana ia membantu kerajaan melaksanakan apa sahaja jenis bantuan yang boleh disalurkan kepada rakyat.

"Keperluan rakyat di kawasan bandar tidak boleh dinafikan sama sekali. Malah, 70 peratus kawasan penempatan penduduk di Malaysia ketika ini adalah di kawasan bandar," katanya pada Majlis Pe-

nutup dan Penyampaian Sijil Kursus JPP Selangor Sesi 2016-2018 di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semenyih, Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz serta Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zamri bin Salleh.

Noh turut menyarankan kepada setiap JPP supaya dapat membantu Badan Pengurusan Bersama (JMB) menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pengurusan kediaman berstrata.

Ini kerana katanya, ada setengah JMB berhadapan dengan masalah tunggakan hutang seperti bil air, elektrik dan sebagainya selepas mengambal alih daripada pihak pemaju yang gulung tikar selepas Akta Pengurusan Strata dilaksanakan.



Sebahagian peserta yang mengikuti Kursus JPP Negeri Selangor Sesi 2016-2018.



Tan Sri Haji Noh bin Omar bersama peserta-peserta Kursus JPP Selangor Sesi 2016-2018.



Tan Sri Haji Noh bin Omar bersama Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (dua dari kanan); Norliza binti Hashim (kanan) dan Sekretariat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Habitat, Ana Moreno (dua dari kiri) menunjukkan dokumen NUA yang dilancarkan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur baru-baru ini.

NUA merangka pembangunan & kesejahteraan bandar

AGENDA Perbandaran Baharu (NUA) bakal menjadi garis panduan bagi membentuk hala tuju pembangunan dan kesejahteraan bandar di negara ini untuk tempoh 20 tahun akan datang.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar berkata, sudah tiba masanya kerajaan mencari jalan penyelesaian untuk menangani isu-isu dalam bandar yang keadaannya dijangka bertambah sesak dan tidak terkawal.

Menurut beliau, kira-kira 90 peratus kawasan penempatan di negara ini bakal menjadi kawasan perbandaran dalam masa 20 hingga 30 tahun akan datang.

Sehubungan itu, katanya, NUA diperkenalkan bagi mencorakkan persekitaran bandar yang lebih inklusif, selamat dan sejahtera.

"Ini juga sesuai dengan konsep Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang mana ia menekankan satu standard global untuk pembangunan bandar.

"Insya-Allah, walaupun ia tidak dapat dilakukan dalam jangka masa yang pendek tetapi kita mengambil tanggungjawab ini agar generasi baharu dapat menjalani kehidupan yang lebih baik," katanya pada majlis pelancaran dokumen NUA dan sesi dialog di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Dr. Mary Wong Lai Lin dan Ketua Eksekutif Urbanice Malaysia, Norliza binti Hashim.



Tan Sri Haji Noh bin Omar pada sesi dialog yang diadakan sempena majlis pelancaran NUA.

NUA meliputi lima aspek iaitu Dasar Perbandaran Negara, Perundangan dan Peraturan Perbandaran, Rekabentuk dan Perancangan Perbandaran, Sistem Kewangan Majlis Perbandaran dan Ekonomi Bandar serta Pelaksanaan Tempatan.

Agenda tersebut bakal dibincangkan dalam Forum Bandar Sedunia ke-9 (WUF9) yang akan berlangsung di Malaysia bermula 7 hingga 13 Februari tahun hadapan.

Tambah Noh, kemelut yang dihadapi rakyat bandar ketika ini memerlukan jalan penyelesaian terperinci dalam memastikan generasi akan datang dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik.

"Dahulu orang beli rumah kos rendah dan sederhana cukup murah. Kerajaan negeri yang tetapkan harga pada masa itu tetapi sekarang pemaju yang tetapkan. Pinjaman bank pun ada yang tak layak menyebabkan rumah jadi terhad, sebab itu perkara ini perlu diberi perhatian.

"Malah dalam banyak-banyak isu di bandar, masalah sosial juga perlu diteliti seperti kes kebakaran tahfiz yang berlaku sebelum ini. Biasanya gejala sosial berlaku di kawasan rumah kos rendah. Ini satu kemiskinan bandar yang perlu ditangani, mungkin sudah sampai masa kawasan lama sebegini dibangunkan semula," jelasnya.



KPKT bantu dapatkan penempatan baharu

Penduduk Kampung Kubu Gajah ditawarkan rumah PPR

Tan Sri Haji Noh bin Omar menyerahkan borang tawaran menyewa unit kediaman PPR kepada seorang penduduk Kampung Kubu Gajah di Sungai Buloh, Selangor baru-baru ini.

SERAMAI 109 penduduk yang mendiami 59 rumah di Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh, Selangor yang diberikan notis untuk berpindah oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah ditawarkan unit-unit kediaman di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2 dan PPR Kepong.

Tawaran untuk menyewa di PPR Lembah Subang 2 dan PPR Kepong itu merupakan inisiatif Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyediakan penempatan baharu kepada mereka memandangkan TNB akan melaksanakan projek pembinaan pencawang baharu di atas tanah miliknya itu.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, tawaran itu dibuat memandangkan sehingga kini, kerajaan negeri Selangor masih belum menawarkan pampasan atau rumah untuk penduduk terbabit.

"Pada mulanya, kerajaan negeri Selangor kata hendak beri tapak rumah baharu 15 ekar tetapi tak jadi. Kemudian kata pampasan akan diberi sebanyak RM15,000 tetapi bila tanya kepada TNB, mereka pun tidak tahu. Inilah janji-janji yang dibuat oleh kerajaan negeri Selangor.

"Justeru, KPKT menawarkan kepada mereka yang dapat notis berpindah untuk

menduduki rumah PPR Lembah Subang 2 dan Kepong yang sememangnya bertujuan untuk penempatan semula, diharapkan mereka dapat mempertimbangkannya," katanya selepas mengadakan sesi turun padang di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Jaras, Sungai Buloh, Selangor baru-baru ini.

Noh turut menghargai kesediaan TNB menangguhkan tindakan perobohan terhadap rumah-rumah di Kampung Kubu Gajah itu bagi memberi lebih masa kepada penduduk untuk berpindah.

Beliau memberitahu, kerajaan negeri Selangor sepatutnya bersikap lebih peka terhadap masalah yang dihadapi penduduk terbabit serta membantu mereka mendapatkan kediaman baharu.

"Kerajaan negeri Selangor tak boleh langgar undang-undang, saya datang jumpa penduduk sebab nak selesaikan masalah mereka, saya tak sanggup melihat rumah rakyat dirobohkan sesuka hati.

"Jadi sebelum ia dirobohkan, kerajaan kena cari jalan macam mana nak selesaikan masalah mereka terlebih dahulu," katanya.

Dalam pada itu, KPKT turut menyalurkan peruntukan sebanyak RM2.69 juta bagi melaksanakan kerja-kerja membaiki pulih pemegang tangga, pam air, lif dan bumbung untuk tiga blok bangunan di Pangsapuri Impian Indah, Paya Jaras.



Tan Sri Haji Noh bin Omar ketika turun padang melihat keadaan penduduk di Kampung Kubu Gajah dan Pangsapuri Impian Indah, Sungai Buloh.



Sebahagian penduduk Pangsapuri Impian Indah yang hadir pada program turun padang Tan Sri Haji Noh bin Omar.

BICARA MENTERI*Tidak tahu malukah, wahai MB Selangor?*

BAJET 2018 yang diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak di Dewan Rakyat pada 27 Oktober lalu memberi kegembiraan kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya mereka yang menetap di kawasan bandar dan Selangor. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri dan kerajaan Barisan Nasional (BN) kerana prihatin terhadap segala aspek yang menyentuh kesejahteraan bandar serta kos sara hidup rakyat.

Kerajaan benar-benar menepati janjinya untuk memenuhi keperluan perumahan mampu milik bagi rakyat bandar. Sebanyak 17,300 unit kediaman di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) diperuntukkan pada tahun hadapan dan jumlah itu menunjukkan peningkatan mendadak berbanding 9,850 unit rumah PPR tahun ini. Selain itu, sebanyak 2,000 unit rumah akan dibina di bawah program MyDeposit dan MyHome bagi memudahkan rakyat membeli rumah mampu milik.

Peruntukan sebanyak RM200 juta juga akan disalurkan untuk menyelenggara dan membaiki rumah kos rendah di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M). Insentif pengecualian duti setem ke atas perjanjian pinjaman dan surat cara pindah milik turut diberikan

» Pengguna lebuhraya bukan sahaja terbeban dengan pembayaran tol malah mereka terpaksa mengharungi kesesakan lalu lintas yang teruk semasa waktu puncak. Isu kutipan tol Batu Tiga dan Sungai Rasau memang sentiasa saya bangkitkan..."

kepada kontraktor penyelamat serta pembeli asal rumah terbengkalai.

Keluhan wakil-wakil Badan Pengurusan Bersama (JMB) yang menghadiri Konvensyen JMB/MC Peringkat Kebangsaan anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Putrajaya pada 7 Oktober lalu diberi perhatian serius oleh kerajaan. Hasilnya, perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan oleh JMB atau Jawatankuasa Pengurusan (MC) di kediaman berstrata dikecualikan daripada cukai barangan dan perkhidmatan (GST) mulai 1 Januari 2018.

Sudah tentunya pengumuman yang paling menggembirakan rakyat Selangor adalah pemansuhan kutipan tol di Batu Tiga, Shah Alam dan Sungai Rasau. Mereka yang menggunakan Lebuhraya Persekutuan lebih-lebih lagi yang berulang-alik dari Shah Alam ke tempat kerja masing-masing di Subang Jaya, Petaling Jaya atau Kuala Lumpur perlu membayar tol di dua lokasi tersebut sejak 1993.

Pengguna lebuhraya bukan sahaja terbeban dengan pembayaran tol malah mereka terpaksa mengharungi kesesakan lalu lintas yang teruk semasa waktu puncak. Isu kutipan tol Batu Tiga dan Sungai Rasau memang sentiasa saya bangkitkan dalam mesyuarat Kabinet serta mesyuarat UMNO sejak dahulu lagi.

Sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, saya berkongsi kegembiraan dengan seluruh rakyat di negeri berkenaan di atas pengumuman Perdana Menteri itu. Perjuangan yang kami usahakan dan rintihan yang kami suarakan sejak sekian lama akhirnya ditunaikan oleh kerajaan BN yang memahami masalah rakyat di Selangor.

Agak melucukan apabila Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali berlagak seolah-olah tidak mempunyai perasaan segan dan silu apabila mendakwa keputusan kerajaan BN memansuhkan

kutipan tol di Batu Tiga dan Sungai Rasau adalah hasil perjuangan pembangkang. Ramai netizen yang mengecam kenyataan Mohamed Azmin itu dan menyifatkan beliau sebagai 'tidak tahu malu'.

Berbalik kepada Bajet 2018, sebagai Ahli Parlimen Tanjong Karang, saya mewakili pesawah-pesawah padi di kawasan saya untuk menyatakan penghargaan kepada kerajaan Persekutuan kerana buat julung-julung kalinya, golongan ini akan menerima elaun khas sebanyak RM200 selama tiga bulan. Pemberian elaun itu akan membantu meringankan beban mereka sementara menunggu untuk menuai padi. Begitu juga pekebun kelapa yang menerima peruntukan sebanyak RM50 juta untuk menanam semula kelapa.

Terima kasih sekali lagi kepada Perdana Menteri yang sentiasa prihatin terhadap segala permasalahan yang dihadapi rakyat di bandar dan luar bandar serta mengetepikan kepentingan politik dalam membantu rakyat Selangor yang sering 'makan hati berulam jantung' selepas BN tidak lagi mentadbir kerajaan negeri sejak dua penggal lalu.

TAN SRI HAJI NOH BIN OMAR
Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO





SEMBAH TAKLIMAT

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah bersama Menteri Besar Perak, Dato' Sri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir; Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar serta Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek ketika Majlis Mengadap Sembah Taklimat Bandar Belia 1Malaysia (1MYC) Tanjong Malim di Istana Perak, Kuala Lumpur pada 30 Oktober lalu.



TAUTAN KASIH

Tan Sri Haji Noh bin Omar sambil mendukung cucunya, meluangkan masa melawat gerai pameran Jabatan Perumahan Negara, KPKT semasa Majlis Hi-Tea Tautan Kasih bersama Penduduk Tanjong Karang di I-Walk @ I-City Shah Alam, Selangor pada 29 Oktober lalu.



JELAJAH WUF9

Jelajah World Urban Forum (WUF9) ketika Persidangan Perancangan Negeri Sabah 2017 yang dianjurkan sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia di Hotel Magellan, Kota Kinabalu, Sabah pada 31 Oktober lalu.



MESYUARAT MPFN

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) ke-28 (Bil.3/2017) di Bangunan Parlimen Malaysia yang turut dihadiri oleh Tan Sri Haji Noh bin Omar serta Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri-menteri Kabinet, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri pada 30 Oktober lalu.



ASPIRASI TN50

Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek bergambar dengan anggota-anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Kedah selepas Majlis Bersama Ketua Setiausaha KPKT: Aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) Anggota Bomba Kedah di Balai Bomba dan Penyelamat Yan, Kedah pada 28 Oktober lalu.



TAKLIMAT BAJET

Tan Sri Haji Noh bin Omar menyampaikan Taklimat Bajet 2018 KPKT kepada Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada Sesi Mesyuarat Ketiga, Penggal Kelima Parlimen Ke-13 tahun 2017 pada 31 Oktober lalu.



SERAH KUNCI

Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek menyerahkan kunci rumah kepada Zainuddin bin Ahmad dalam Majlis Penyerahan Kunci Rumah Projek Pembinaan Semula Rumah Terbakar di bawah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan ke-7 (NBOS7) di Kampung Selamat D, Telok, Sik, Kedah pada 28 Oktober lalu.



LAWATAN KERJA

Lawatan kerja Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek ke Pangsapuri Aman Jaya Sungai Petani, Kedah yang turut dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sungai Petani, Norizan bin Khazali dan Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, N. Jayaselan pada 28 Oktober lalu.

Seminar Kebangsaan Taman Permainan Kanak-kanak 2017

BUAT julung-julung kalinya Seminar Kebangsaan Taman Permainan Kanak-Kanak 2017 Pemakaian Malaysian Standards MS 966:2017 Playground Equipment dan MS 2665:2017 Playground Surfacing akan berlangsung pada 14 hingga 15 November 2017 di Dewan Seri Wilayah Putrajaya, Presint 2, Putrajaya.

Seminar tersebut menyasarkan kehadiran 500 peserta daripada pelbagai agensi yang terlibat dalam industri pembinaan taman permainan kanak-kanak.

Penganjuran seminar itu merupakan salah satu manifestasi Jabatan Landskap Negara (JLN) dalam merealisasikan Pelan Tindakan yang telah digariskan bagi menyediakan kemudahan rekreasi yang berkualiti dan memenuhi standard piawaian antarabangsa dalam memastikan fasiliti dan ameniti rekreasi awam yang dibangunkan juga selamat digunakan oleh semua pengguna.

Pada masa sama, ia bagi memastikan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pihak yang berkepentingan serta pengguna peralatan permainan kanak-kanak di negara ini memahami dan mematuhi spesifikasi dan kehendak seperti yang ditetapkan dalam Malaysian Standards justeru secara tidak langsung, dapat mengurangkan risiko kemalangan dalam taman permainan kanak-kanak.

Seminar ini juga merupakan platform terbaik dalam usaha hebahan dan sebaran kepada pemakaian piawaian MS 966:2017 (Malaysian Standards) Peralatan Taman Permainan - Prestasi keselamatan spesifikasi

si dan MS 2665:2017 (Malaysian Standard Baru) Permukaan Taman Permainan - Bahagian 1: Panduan standard. MS 2665:2017 (Malaysian Standard Baru) Permukaan Taman Permainan - Bahagian 2: Perlemahan impak bahan permukaan dalam zon penggunaan peralatan permainan - spesifikasi.

Program JLN ini dilaksanakan bersama penganjur utama iaitu Persatuan Keselamatan Permainan Kanak-Kanak (PSAM), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Jabatan Standard Malaysia (JSM) serta turut disokong Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri (BPA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Perbadanan Putrajaya (PPj), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), SIRIM Berhad, Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), Persatuan Taman, Rekreasi dan Ameniti Malaysia (MyParks) dan RIS Learning Sdn. Bhd.

Sebanyak 11 kertas kerja bakal dibentangkan oleh tenaga pakar dan profesional yang berpengalaman luas daripada agensi kerajaan serta swasta sepanjang seminar selama dua hari ini bertujuan untuk memberi lebih pendedahan dan pemahaman kepada peserta seminar mengenai pemakaian MS 966:2017 dan MS 2665:2017.

Melalui sebaran Malaysian Standards ini diharapkan perancangan, pembangunan, pengurusan dan penyelenggaraan kawasan rekreasi dan taman permainan kanak-kanak di negara ini lebih berkualiti serta setanding dengan piawaian antarabangsa.

Adalah diharapkan semua peserta yang menyertai seminar berkenaan da-

pat menyebarkan mengenai kepentingan keperluan pembangunan ruang-ruang awam dan kawasan rekreasi serta pematuhan kepada standard yang telah dibangunkan oleh kerajaan demi persekitaran yang kondusif dan kesejahteraan rakyat.

Penyertaan Seminar Kebangsaan Taman Permainan Kanak-Kanak 2017: Pemakaian Malaysian Standards MS 966:2017 Playground Equipment dan MS 2665:2017 Playground Surfacing masih dibuka.

Kepada yang berminat, borang penyertaan boleh diperolehi melalui laman sesawang www.psam.org.my atau hubungi urus setia seminar iaitu Puan Noriah Mat di talian 1-700-81-7990 atau e-mel kepada info@psam.org.my.



Taman permainan kanak-kanak merupakan lokasi tumpuan bagi pengguna cilik untuk beriadah selain mencuba aktiviti baharu serta meningkatkan kemahiran bersosial.

Faktor kejayaan pembangunan sesebuah taman permainan kanak-kanak adalah bermula dari fasa perancangan, pembangunan, pelaksanaan seterusnya pengurusan dan penyelenggaraan yang menyeluruh.



**ALBUM
BULETIN
BANDAR**



Putrajaya



Sungai Kajang, Tanjong Karang, Selangor



Pasar Tani Anak Bukit, Kota Setar, Kedah



Stesen KTM Arau, Perlis



Pasar Tani Temerloh, Pahang



Anggota Unit STORM JBPM memberi penerangan kepada sekumpulan pelajar tentang peralatan menyelam.

Pantai Bagan Ajam, Pulau Pinang

Program Kesedaran Keselamatan Aktiviti Air

SERAMAI 2,300 peserta menghadiri Program Kesedaran Keselamatan Aktiviti Air yang diadakan di Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Pantai Bagan Ajam, Pulau Pinang pada 25 Oktober lalu.

Selain agensi kerajaan, peserta-peserta turut terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah, pusat tahfiz dan institusi pengajian tinggi.

Dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), program itu bertujuan memberi kesedaran mengenai bahaya aktiviti air seperti di sungai, air terjun, laut, pantai, tasik, kolam dan sebagainya.

Program itu juga bertujuan memberi pendedahan mengenai cara-cara

» Program itu juga bertujuan memberi pendedahan mengenai cara-cara penyelamatan yang betul tanpa membahayakan diri sendiri serta tindakan awal yang perlu diambil sekiranya berlaku kecemasan berkaitan aktiviti air."

penyelamatan yang betul tanpa membahayakan diri sendiri serta tindakan awal yang perlu diambil sekiranya berlaku kecemasan berkaitan aktiviti air.

Antara pengisian program adalah taklimat Jom Belajar Renang oleh pegawai Persatuan Penyelamat Butterworth, Kaedah Menyelamat oleh pegawai Jabatan Bomba dan

Penyelamat Butterworth serta taklimat Simbol dan Papan Tanda oleh pegawai daripada Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Putrajaya.

Selain itu, peserta turut diberi taklimat Tips Keselamatan oleh pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang serta Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) oleh pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia

(APM) Pulau Pinang.

Pameran peralatan keselamatan aktiviti air turut diadakan oleh JBPM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Butterworth Life Saving Society.

Program Kesedaran Keselamatan Aktiviti Air merupakan susulan daripada penubuhan Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) yang diluluskan Kabinet pada awal 2016.

Cadangan penubuhan MKAA oleh KPKT adalah berikutan daripada peningkatan bilangan kes kematian akibat kelemasan di badan-badan air.

Antara peranan yang dijalankan oleh MKAA adalah untuk melaksanakan program kesedaran berhubung keselamatan aktiviti air di kawasan-kawasan rekreasi.



Bot yang digunakan oleh JBPM dalam operasi menyelamat.



Pameran peralatan yang digunakan oleh agensi-agensi yang terlibat dalam operasi menyelamat dalam air.



Demonstrasi menyelamat mangsa dalam air.

Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT: www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar: www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar: aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh: <http://ikepoh.kpkt.gov.my/>

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah): <http://www.aduansisa.my/>

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam: **1-800-88-7472**

Tanah runtuh di Tanjung Bungah

Projek tidak disokong KPKT

JABATAN Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) yang di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak pernah memberi sokongan terhadap projek pembangunan perumahan di Lengkok Lembah Permai, Tanjung Bungah, Pulau Pinang yang terlibat dalam

insiden tanah runtuh pada 21 Oktober lalu.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, kementerannya juga telah mengedarkan Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi di semua negeri di Malaysia.

"Walau bagaimanapun, Pulau Pinang didapati tidak menerima pakai garis panduan yang dikeluarkan oleh KPKT kerana mereka mempunyai garis panduan sendiri iaitu Safety Guideline for Hillside Development 2012, yang dikatakan lebih lengkap dan terperinci.

"PLANMalaysia sendiri pada dasarnya tidak menyokong ke atas peningkatan kepadatan daripada 30 unit per ekar kepada 147 unit per ekar di kawasan berkenaan, jadi kita tidak menyokong pembangunan tersebut, mungkin kerajaan negeri yang dipengerusikan ketua menteri ada keputusan sendiri tetapi KPKT se-

memangnya tidak memperakui dan tidak menyokong projek tersebut," katanya dalam sidang akhbar di bangunan Parlimen baru-baru ini.

Dalam kejadian itu, seramai 11 mangsa maut akibat tertimbus ketika sedang bekerja di tapak projek perumahan mampu milik di Lengkok Lembah Permai.

Noh turut menyarankan agar semua kerajaan negeri di Malaysia mengguna pakai garis panduan yang disediakan oleh KPKT bagi menjamin keselamatan rakyat di masa akan datang.

"Sebagai sebuah kementerian, KPKT hanya boleh membuat garis panduan kerana kuasa penuh terletak kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kerajaan negeri jadi sebarang keputusan tidak boleh dipaksa begitu sahaja.

"Kita sudah bagi garis panduan, jadi saya menyeru semua negeri, walaupun kerajaan negeri mempunyai kuasa sendiri, kalau boleh terima dan ikutlah garis panduan yang dibuat oleh KPKT," katanya.

Anggota-anggota pasukan penyelamat mengeluarkan mayat mangsa yang ditemukan dalam insiden tanah runtuh di projek pembangunan perumahan di Lengkok Lembah Permai, Tanjung Bungah, Pulau Pinang pada 21 Oktober lalu.



Kesan tanah runtuh di lokasi kejadian.



#BAJET2018



RM200JUTA


untuk penyelenggaraan dan
pembaikan rumah kos rendah

**TABUNG PENYELENGGARAAN 1MALAYSIA
(TP1M)**

**Kerajaan merancakkan lagi usaha
pemilikan rumah untuk rakyat**

**9,850 UNIT
RUMAH PPR**

**17,300 UNIT
RUMAH PPR**



www.kpkt.gov.my @kpkt_gov kpkt KPKT Malaysia

@perumahanJPN Jabatan Perumahan Negara (JPN) JabatanPerumahan JPN

ehome.kpkt.gov.my



**JUMLAH PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN OLEH
YBM TAN SRI NOH HAJI OMAR SEPANJANG
LAWATAN TURUN PADANG BULAN OKTOBER 2017**



#TSNOTurunPadang #TSNOAmbilKisah

www.kpkt.gov.my @kpkt_gov kpkt KPKT Malaysia

PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB)



MINISTERS QUESTION TIME (MQT)



www.kpkt.gov.my @kpkt_gov kpkt KPKT Malaysia
www.nohomar.my mynohomar

Sambutan Hari Habitat Sedunia 2017

MALAYSIA bakal meraikan Sambutan Hari Habitat Sedunia 2017 yang bertemakan *Housing at the Center* di Puteri Harbour, Johor Bahru, Johor pada 10 dan 11 November ini.

Sambutan Hari Habitat Sedunia merupakan satu program yang diwujudkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) di bawah mandat UN-Habitat.

Pada tahun 1985, Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU JPM) telah melantik Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebagai agensi *Focal Point* untuk menyelaraskan semua aktiviti UN-Habitat di Malaysia.

Antara aktiviti utama di bawah UN-Habitat adalah menghadiri mesyuarat, persidangan dan menyelaras Sambutan Hari Habitat Sedunia setiap tahun.

Sambutan Hari Habitat Sedunia bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan membangunkan penempatan manusia yang selesa dan kondusif.

Sambutan itu juga bertujuan mencorakkan keadaan bandar dan hak asasi semua untuk perlindungan yang mencukupi selain mengingatkan dunia bahawa setiap penduduk mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk membentuk masa depan bandar masing-masing.

Sambutan Hari Habitat Sedunia diraikan pada hari Isnin pertama bulan Oktober pada setiap tahun dan kali ini, ia disambut pada 2 Oktober 2017.

» Sambutan Hari Habitat Sedunia bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan membangunkan penempatan manusia yang selesa dan kondusif.

Di peringkat kebangsaan pula, ia akan diraikan pada 10 dan 11 November ini dan bakal dilancarkan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar.

Pelbagai aktiviti akan diadakan sempena sambutan itu seperti Pertandingan Photojournalism, Pertandingan Analisis Senario Habitat, Habitat Speakers Corner, International Conference on Sustainable Cities, Communities and Partnership for Sustainable Development Goals (SCCP 2017) dan penerbitan Majalah Habitat.

Terdapat juga pameran oleh jabatan dan agensi KPKT dalam sektor perumahan dan kesejahteraan bandar yang akan mempamerkan peranan serta sumbangan masing-masing.

Bagi menarik pengunjung, beberapa program turut diaturkan seperti persembahan busking, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, pertandingan Bina Rumah LEGO dan pertunjukan *Mr. Wonderful* dari Jabatan

Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Selain itu, penyampaian hadiah kepada pemenang National Scroll of Honour Awards bagi memberi pengiktirafan kepada agensi kerajaan, badan korporat, pertubuhan bukan kerajaan serta individu yang telah memberikan sumbangan besar kepada pembangunan perumahan dan penempatan manusia akan turut diadakan.

HPBS 2017 bertemakan 'Merancang Bersama Komuniti'

Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2017 akan berlangsung serentak dengan penganjuran Sambutan Hari Habitat Sedunia 2017 di Puteri Harbour, Johor Bahru, Johor pada 10 dan 11 November ini.

HPBS diraikan pada 8 November setiap tahun sejak 1949 dengan objektif untuk menghargai peranan perancangan bandar.

Sejak 1988, HPBS telah dijadikan acara tahunan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

Tema sambutan HPBS 2017 iaitu 'Merancang Bersama Komuniti' adalah selaras dengan Matlamat Ke-11 (Goal 11) Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs): Menjadikan bandar yang inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan.

Pemilihan tema itu juga bertepatan dengan sasaran menjelang 2030 dalam menyediakan akses seiahteras kepada

ruang awam yang hijau, inklusif dan selamat khususnya untuk golongan wanita, kanak-kanak, warga emas dan orang kelainan upaya (OKU).

Tema itu juga merupakan salah satu inisiatif Agenda Bandar Baharu (New Urban Agenda) melalui aktiviti *placemaking* yang membabitkan penglibatan masyarakat dalam mewujudkan perbandaran yang inklusif dan sejahtera.

Pelbagai aktiviti akan diadakan sempena sambutan HPBS 2017 seperti sukan rakyat, pameran, jualan usahawan kenderaan saji, program berbasikal, pertandingan mewarna, 'Community Voice Out' dan beberapa lagi acara tarikan untuk komuniti setempat.

HPBS 2017 akan dirasmikan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar.

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

HPBS 2017 merancang bersama komuniti

Sambutan HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA & HARI HABITAT SEDUNIA

11 November 2017
Puteri Harbour, Iskandar Puteri
Johor Bahru

Disempurnakan oleh
YB TAN SRI NOH BIN HJ. OMAR
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

PLAN Malaysia

Anjuran Bersama

ISKANDAR MALAYSIA UEM SUNRISE PUTERI HARBOUR

JOM SERTAI!!!

Product Showcase Community Bazaar
Mr. Wonderful Abg Bomba Buskers
Urban Picnic Food Truck Fun Cycling
Community Talk Colouring Contest
Creative Lego Face painting
Giant Bubble Sukan Rakyat



Sebahagian penduduk yang menyertai aktiviti tarian pada Majlis Pelancaran PTS di Rumah Pangsa Taman Medan Jaya.



Sifat mesra Datuk Halimah binti Mohamed Sadique menambat hati penduduk Rumah Pangsa Taman Medan Jaya.

Menggalakkan penglibatan penduduk setempat

Lima komponen utama Program Transformasi Sosial

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengenal pasti lima komponen utama Program Transformasi Sosial (PTS) bagi mewujudkan semangat kekitaan serta menggalakkan penglibatan penduduk dalam menjaga dan menyelenggara kawasan kediaman mereka secara berterusan.

Timbalan Menteri, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique berkata, lima komponen tersebut adalah Program Bandar Selamat, Program Bomba Komuniti, Program Rakan Taman, Komuniti 3R (Kurangkan, Guna Semula dan Kitar Semula) serta Program Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBI).

Menurut beliau, selain itu, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) turut ditubuhkan di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di luar bandar bagi mem-

bolehkan masyarakat setempat menggerakkan pelbagai aktiviti di kawasan masing-masing.

"Pada masa sama, JPP dapat menyalurkan pandangan, cadangan dan isu-isu kesejahteraan bandar yang dihadapi oleh masyarakat setempat untuk diambil tindakan oleh kerajaan Persekutuan.

"Justeru, kita berharap masyarakat sentiasa bersepakat dalam memberi sokongan padu kepada PTS di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)," katanya pada Majlis Pelancaran PTS di Rumah Pangsa Taman Medan

»Pada masa sama, JPP dapat menyalurkan pandangan, cadangan dan isu-isu kesejahteraan bandar yang dihadapi oleh masyarakat setempat untuk diambil tindakan oleh kerajaan Persekutuan.»

Jaya, Kota Tinggi, Johor baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha KPKT, Zamri bin Salleh; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Penguurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed dan Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi, Fizwan bin Dato' Haji Mohd. Rashidi.

Halimah yang juga Ahli Parlimen Tenggara menambah, kerjasama dan permuafakatan dalam sesebuah komuniti berupaya menangkis pelbagai gejala buruk seperti penagihan dadah,

membuang bayi, kecurian dan penularan wabak penyakit.

Beliau memberitahu, amalan itu wajar dibudayakan agar generasi masa depan menjadikannya sebagai sebahagian daripada cara hidup mereka lebih-lebih lagi ketika negara melangkah ke arah menjayakan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

"Tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat. Usaha ini untuk mewujudkan nilai rasa serta tanggungjawab di kawasan setempat meliputi aspek keselamatan, kebersihan dan kesihatan," jelasnya.

Halimah berkata, amalan tersebut turut berfungsi memastikan kesejahteraan sosial dipupuk dalam nilai masyarakat setempat sebagai usaha mewujudkan kejiranan yang sejahtera serta baik daripada segi fizikal, mental dan sosial.



Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (tiga dari kiri) ketika melancarkan PTS di Rumah Pangsa Taman Medan Jaya, Kota Tinggi, Johor baru-baru ini. Turut serta, Zamri bin Salleh (dua dari kiri), Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed (dua dari kanan) dan Fizwan bin Dato' Haji Mohd. Rashidi (paling kiri).



Buletin

Bandar

5 NOVEMBER 2017 • 16 SAFAR 1439



Bersepakat menyokong pelaksanaan PTS

Demi
manfaat
bersama
komuniti
setempat

"JUSTERU, kita berharap masyarakat sentiasa bersepakat dalam memberi sokongan padu kepada Program Transformasi Sosial (PTS) di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)."

DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

muka 15



Projek tidak disokong
KPKT muka 12



Program
Pembasmian
Kemiskinan Bandar

muka 14